

29 OCT 1999

ABDULLAH TERIMA FELLOWSHIP KEHORMAT DARI CIM, UK

PUTRAJAYA, 29 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menerima fellowship kehormat daripada Chartered Institute of Marketing (CIM), United Kingdom (UK) kerana sumbangan beliau kepada pembangunan negara.

Naib Pengerusi CIM, UK Dr Laurie Wood menyampaikan anugerah itu kepada Abdullah di pejabat timbalan perdana menteri di sini.

Wood memberitahu pemberita bahawa anugerah itu sebagai menghargai usaha Abdullah dalam membangunkan hubungan antara Malaysia dan wilayah lain terutama semasa beliau menjadi Menteri Luar.

"Kami juga ingin menghargai usaha dan sumbangan beliau kepada rakyat Malaysia," kata beliau.

Abdullah berkata beliau berterima kasih kepada CIM atas anugerah itu dan berharap CIM Malaysia akan terus bekerja rapat dengan kerajaan bagi membantu merencanakan ekonomi dengan membawa masuk pelancong dan pelabur.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah penerima anugerah itu tahun lepas kerana usaha beliau membangunkan negara dan menjadikan Malaysia terkenal di seluruh dunia.

CIM mempunyai 60,000 anggota di seluruh dunia.

-- BERNAMA

ARA LAT